



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PERLIS, 2025

KDNK Perlis mencapai RM6.7 bilion pada 2025, tumbuh 2.0 peratus

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI PERLIS, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Peningkatan ekonomi Perlis pada tahun 2025 dicerminkan melalui nilai KDNK sebanyak RM6.7 bilion berbanding RM6.5 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan sebanyak 2.0 peratus."

Dari aspek komposisi ekonomi Perlis pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang sebanyak 71.2 peratus. Sektor Pertanian dan Pembuatan masing-masing menyumbang 16.5 peratus dan 7.7 peratus. Sektor Pembinaan pula mencatatkan sumbangan sebanyak 2.4 peratus, diikuti sektor Perlombongan & pengkuarian dengan sumbangan 0.5 peratus.

Sektor Perkhidmatan berkembang 3.1 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM4.8 bilion. Pertumbuhan positif sektor ini didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan dan Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan, masing-masing bertumbuh 5.4 peratus dan 5.0 peratus.

Sektor Pertanian menyusut 1.9 peratus dengan nilai ditambah berjumlah RM1.1 bilion pada tahun 2025. Penurunan ini dipengaruhi oleh subsektor Perikanan dan Ternakan yang menyusut masing-masing 7.2 peratus dan 4.7 peratus.

Sektor Pembuatan meningkat 4.2 peratus berbanding 1.4 peratus pada tahun 2024 dengan nilai ditambah berjumlah RM511.7 juta. Peningkatan ini dipengaruhi oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang meningkat 6.8 peratus. Selain itu, Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau juga meningkat 4.9 peratus.

Sementara itu, sektor Pembinaan merosot 8.2 peratus pada tahun 2025 (2024: 12.0%) dengan nilai ditambah berjumlah RM159.0 juta. Pertumbuhan prestasi sektor ini dipengaruhi oleh subsektor Pembinaan bangunan dan Aktiviti pertukangan khas yang menyusut masing-masing 11.5 peratus dan 8.7 peratus.

Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peningkatan 2.7 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.6%) dengan nilai ditambah berjumlah RM35.3 juta.

Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Perlis mencatatkan peningkatan KDNK per kapita sebanyak RM334.2 pada tahun 2025 dengan nilai RM25,089 berbanding RM24,755 pada tahun sebelumnya.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

PERLIS

Carta 1: KDNK Perlis, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PERLIS GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Perlis's GDP reaches RM6.7 billion in 2025, grew by 2.0 per cent

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **PERLIS GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The improvement of economy in Perlis for the year of 2025 was reflected in the GDP valued at RM6.7 billion as compared to RM6.5 billion in 2024 with a growth of 2.0 per cent."

In terms of Perlis's economic composition in 2025, the Services sector dominated the state's economy by contributing 71.2 per cent. The Agriculture and Manufacturing sectors contributed 16.5 per cent and 7.7 per cent, respectively. The Construction sector recorded a contribution of 2.4 per cent, followed by the Mining & quarrying sector, which accounted for 0.5 per cent.

The Services sector grew by 3.1 per cent as compared to the previous year, with a value added of RM4.8 billion. The positive growth of the sector was driven by the Government services and Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsectors, which increased by 5.4 per cent and 5.0 per cent respectively.

The Agriculture sector recorded a contraction of 1.9 per cent with a value added of RM1.1 billion in 2025. The decline of this sector was influenced by the Fisheries and Livestock subsectors which shrank by 7.2 per cent and 4.7 per cent respectively.

The Manufacturing sector expanded by 4.2 per cent, compared to 1.4 per cent in 2024 with value added amounting to RM511.7 million. This increase was influenced by the Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products, which increased by 6.8 per cent. In addition, Vegetable and animal oils & fats, food processing, beverages and tobacco products also went up by 4.9 per cent.

Meanwhile, the Construction sector declined to 8.2 per cent in 2025 (2024: 12.0%), with a value added of RM159.0 million. The performance of this sector was driven by the Building construction and Specialised construction subsectors which contracted

by 11.5 per cent and 8.7 per cent, respectively.

The Mining & quarrying sector posted a growth of 2.7 per cent in 2025 (2024: 3.6%) with value added amounting to RM35.3 million.

Moving on to GDP per capita performance, Perlis recorded an increase in GDP per capita of RM334.2 in 2025 with a value of RM25,089 as compared to RM24,755 in 2024.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

PERLIS

Chart 1: Perlis's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**